

# Penglibatan Golongan Belia dan Cadangan dalam Mengurangkan Kegiatan Mat Rempit

MUHD KHAIRUL NAJMI BIN MOHD NASIR\* & ATHIRAH AZHAR

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sarawak, 94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia

\*Corresponding authors: khairulnajmi053@gmail.com

## ABSTRAK

Kegiatan mat rempit atau merempit boleh di katakan sebagai salah satu yang menyumbang kepada masalah sosial dari kalangan belia pada masa kini. Tiga objektif kajian yang ingin dikaji iaitu untuk mengenalpasti faktor belia terjebak dengan kegiatan mat rempit, mengetahui kesan penglibatan belia dalam kegiatan mat rempit, dan mencadangkan langkah bagi mengurangkan kegiatan mat rempit dalam kalangan belia. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menemubual lima orang responden daripada Senawang, Negeri Sembilan sebagai kajian kes. Persampelan bertujuan digunakan untuk kajian ini. Kaedah analisis yang digunakan dalam kajian ini adalah analisis tematik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor yang menyebabkan belia terjebak dengan kegiatan mat rempit di sebabkan oleh pengaruh rakan sebaya, pengaruh sosial media, pengaruh wang ringgit, dan minat sendiri dalam dunia permotoran. Faktor-faktor ini telah memberi kesan terhadap mat rempit seperti terlibat dengan kemalangan jalan raya, terjebak dalam masalah sosial yang lebih serius serta pembaziran wang yang berlebihan. Oleh itu, belia mencadangkan supaya mewujudkan lebih banyak litar awam, mengadakan operasi di malam minggu dan menggubal syarat kelayakan umur untuk mendapatkan lesen motosikal. Kesimpulannya, operasi penangkapan mat rempit yang kerap dijalankan sehaja tidak dapat mengurangkan kegiatan mat rempit malah, kempen kesedaran yang berkaitan juga perlu dilaksanakan dari peringkat sekolah rendah dengan penglibatan ibubapa.

Kata Kunci: belia, mat rempit, masalah sosial, lumba haram

## PENGENALAN

Kegiatan merempit merupakan satu kegiatan yang sudah lama menapak di negara Malaysia. Kegiatan ini merupakan satu aktiviti perlumbaan haram yang menggunakan kenderaan bermotorsikal yang kebiasaannya ditunggang oleh golongan belia. Gelaran mat rempit diberikan kepada individu bermotorsikal yang menunggang motorsikal secara laju dan membahayakan keselamatan pengguna jalan raya yang lain. Selain itu, masyarakat juga menggelar seseorang penunggang itu sebagai mat rempit jika mereka terlibat dalam aktiviti yang menyalahi undang-undang jalan raya seperti berlumba secara beramai-ramai dan melakukan aksi-aksi yang merbahaya di atas jalan raya. Zalzimy dan Siti Rohana (2021) menyatakan bahawa identiti maskulin dalam kalangan pelumba motosikal haram mempunyai kaitan dengan sifat maskulin seorang lelaki seperti seorang perokok, gagah, kuat, berani, ingin dihormati, pengiktirafan dan agresif. Kegiatan ini sudah semakin merebak dan telah menjadi lumrah dengan penglibatan masyarakat tanpa mengira batas umur dan bangsa (Muhamad Fuad et al., 2009). Rozmi Ismail (2008) menyatakan bahawa budaya mat rempit menular dengan begitu cepat di sebabkan oleh pengaruh media massa dan elektronik yang saban hari memaparkan tentang sukan bermotor seperti perlumbaan Motor Gp, Sprint, Formula One dan seumpamanya. Tambahan pula, menurut Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO, 2023) 92% daripada kematian dunia di jalan raya berlaku di negara berpendapatan rendah dan sederhana, manakala lebih separuh daripada kematian trafik jalan raya adalah dalam kalangan pengguna jalan raya, termasuk pejalan kaki, penunggang basikal dan penunggang motosikal. Sejak lama dahulu, eksploitasi terhadap wanita dalam kegiatan ini juga berlaku melalui iklan motosikal dan kereta yang dipaparkan serta kebebasan belia yang keterlaluan yang banyak mempengaruhi pemikiran golongan muda terutama yang baru meningkat belia (Rozmi Ismail, 2008). Kajian oleh Zalzimy dan Siti Rohana (2021a) juga menyatakan bahawa mat rempit mengaku bahawa tingkah laku agresif mereka dipengaruhi oleh penggunaan bahan terlarang, yang diambil untuk perlumbaan, menghilangkan tekanan, dan untuk kesenangan peribadi.

Fenomena mat rempit ini sudah menjadi sebagai sebuah *trend* sehingga penduduk di kawasan pedalaman mendakwa bahawa perlumbaan haram ini sering membuat bisung di kawasan perkampungan mereka. Seजार dengan kemudahan jaringan jalan raya yang semakin baik di Malaysia, golongan mat rempit di kawasan pedalaman tidak melepaskan peluang untuk berlumba di kawasan bandar sehingga ada yang sanggup keluar dari kawasan perkampungan untuk ke bandar bagi menghadiri perlumbaan yang telah diaturkan secara haram. Selain itu, kegiatan perlumbaan haram juga wujud di kalangan remaja awal umur dengan menggunakan basikal lajak

Basikal lajak adalah basikal yang telah dimodifikasi supaya lebih laju dan digunakan untuk berlumba secara haram dan berbahaya (Roziana et al., 2022). Permulaan daripada basikal lajak, remaja kemudiannya mungkin akan beralih ke motorsikal. Selain itu, kajian oleh Lukman et al., (2019) menyatakan bahawa, merempit adalah salah satu masalah kecelaruan tingkahlaku di kalangan pelajar sekolah yang menyebabkan ponteng sekolah. Berdasarkan kepada kegiatan rempit yang berlaku dalam kalangan belia pada masa kini, timbul tanda tanya realiti sebenar keterlibatan belia dalam aktiviti rempit ini terhadap salah laku jenayah yang lain dalam aktiviti mereka seperti yang sering diperkatakan oleh media dan masyarakat (Mohd Mursyid Arshad et al., 2010). Oleh itu kajian ini bertujuan untuk memenuhi tiga objektif iaitu untuk mengenalpasti faktor belia terjebak dengan kegiatan mat rempit, mengetahui kesan penglibatan belia dalam kegiatan mat rempit, dan mencadangkan langkah bagi mengurangkan kegiatan mat rempit dalam kalangan belia.

## **KAJIAN LEPAS**

### **Penglibatan belia dalam kegiatan merempit**

Antara faktor-faktor yang menyumbang kepada perlumbaan haram ini adalah faktor psikologi individu, faktor demografi dan faktor sosio-ekonomi (Mohd Roslan et al., 2017). Kajian yang lepas mendapati bahawa tujuan belia melibatkan diri dalam aktiviti merempit adalah di sebabkan oleh kebosanan serta tiada aktiviti seharian. Mohd Mursyid Arshad et al., (2010) menyatakan bahawa golongan mat rempit lebih selesa bersama rakan-rakan rempit yang lain bagi menjalankan aktiviti tersebut sebagai cara untuk mengisi perasaan kekosongan dalam diri mereka dan turut berkongsi banyak perkara dengan kumpulan yang menjurus kepada kumpulan sosial. Punca yang seterusnya adalah masalah dalam kekeluargaan. Institusi kekeluargaan yang goyah dan rapuh menjadi salah satu punca mengapa belia terlibat dengan kegiatan mat rempit (Mohd Mursyid Arshad et al., 2010). Pergaduhan yang terjadi antara ibu dan bapa akan menyebabkan anak menjadi mangsa seperti diabaikan serta tidak diendahkan menyebabkan belia mudah untuk terlibat dalam aktiviti merempit. Di samping itu, pengaruh rakan sebaya menjadi pendorong kepada penglibatan belia dalam kegiatan mat rempit. Nur Hafizah Yusoff (2020) menyatakan bahawa pengaruh rakan sebaya adalah faktor yang paling kuat untuk menyebabkan belia boleh terlibat dengan aktiviti mat rempit. Tindakan mempengaruhi rakan ini telah menyebabkan ramai golongan belia terjebak dalam kegiatan mat rempit ini. Oleh itu, motorsikal merupakan simbol maruah dan kekuatan bagi mat rempit, dengan memodifikasi motorsikal mereka bagi tujuan perlumbaan juga sebagai simbolik yang membezakan kumpulan mat rempit (Zalzimy Hussin & Siti Rohana Ahmad, 2021a). Seperti yang umum ketahui, di Malaysia banyak filem yang dikeluarkan dan mendapat tontonan *box-office* adalah yang berkaitan dengan mat rempit dan perlumbaan motorsikal. Menurut Zalzimy dan Siti Rohana (2021), pembuat filem tidak mempedulikan sebarang kesan buruk yang berlaku kerana ramai remaja dan belia meniru aksi berbahaya mat rempit yang dipaparkan di layar perak tetapi hanya mementingkan keuntungan.

Negara jiran iaitu Indonesia tidak terkecuali juga dengan kegiatan mat rempit. Antara jenis perlumbaan motorsikal yang diadakan adalah perlumbaan Litar Antarabangsa, Kejurda, Indoprix dan Yamaha Cup Race. Menurut Afriyanto et al., (2023) untuk menyertai perlumbaan sebegini memerlukan modal yang besar dan sebaliknya belia memilih untuk melakukan perlumbaan haram di jalan awam. Kebiasaannya, perlumbaan haram dilakukan pada waktu malam, yang bukan sahaja membahayakan pelumba haram itu sendiri, malah boleh membahayakan pengguna jalan raya lain (Ryan et al., 2023), mengganggu ketenteraman penduduk, merosakkan kemudahan awam apabila berlaku kemalangan dan tidak beretika semasa di jalan raya (David Rhesy & Prima Dewi, 2021). Tambahan, ketiadaan kemudahan berupa litar perlumbaan rasmi yang disediakan kerajaan juga menyumbang kepada kegiatan ini (Afriyanto et al., 2023, Haris et al., 2023).

### **Akibat daripada merempit**

Pergaulan bebas oleh golongan belia dalam himpunan untuk merempit boleh membuatkan mereka terjerumus dalam masalah sosial seterusnya terlibat dalam jenayah yang lebih berat. Menurut laporan Fakhira Yaacob (2020), penglibatan belia dalam masalah sosial boleh merosakkan disiplin mereka. Hal ini kerana mereka tidak mahu kehidupan mereka dikongkong dan menginginkan kebebasan dalam membuat sesuatu aktiviti. Apabila belia sudah hidup bebas tanpa sekatan dari keluarga, ini adalah peluang untuk mereka menyertai aktiviti rempit seperti lumba haram dan konvoi beramai-ramai. Zalmizy Hussin (2013) berkata kebanyakan akan sering bergaduh dengan ibu bapa, tidak mendengar cakap kedua ibu bapa mereka dan tidak menghormati orang tua terutama ibu bapa mereka sendiri. Kegiatan merempit ini juga akan memusnahkan masa depan belia dengan melakukan perkara yang tidak mendatangkan hasil kepada masa depan mereka. Mat rempit mensia-siakan waktu muda mereka yang sepatutnya digunakan untuk membangunkan potensi diri masing-masing. Aktiviti geng rempit dan penyalahgunaan dadah secara tidak langsung bukan sahaja mengancam kualiti modal insan untuk pembangunan

negara pada masa depan malah akan mengancam keselamatan dan ketenteraman awam (Yahya et al., 2009). Selain itu, kegiatan ini juga memberi kesan pembaziran kepada golongan terbabit. Hal ini kerana, perlumbaan haram yang melibatkan pertaruhan seperti duit dan motosikal akan membuatkan mereka kehilangan aset mereka. Menurut kajian Mohamad Fikrie Idris dan Nur Hafiza Yusoff (2019), seorang pelumba pernah kehilangan sebuah motosikal akibat daripada perlumbaan tersebut kerana motorsikal mengalami kerosakan teknikal sewaktu di penghujung perlumbaan. Implikasi ini juga boleh membawa kepada perubahan tingkah laku yang agresif.

Rika et al., (2022) menyatakan bahawa antara usaha yang boleh dilakukan untuk menangani lumba haram adalah meningkatkan aktiviti rondaan di tempat-tempat yang dianggap terdedah kepada perlumbaan haram; pemeriksaan rutin kenderaan bermotor; dan kempen dan kaunseling yang bermula dari sekolah. Sejak dari umur prasekolah, pemantauan anak-anak tidak hanya terletak di bahu guru dan sekolah seratus peratus, malah perhatian dan pemantauan oleh ibu bapa penjaga dapat mengawal anak-anak mereka daripada melakukan perkara-perkara yang tidak berfaedah (Lukman, et al., 2019).

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini dilaksanakan menggunakan pendekatan kualitatif. Lokasi kajian adalah di Senawang, Negeri Sembilan. Penyelidik menggunakan persampelan bertujuan. Ciri-ciri sampel adalah a) responden terdiri daripada belia yang terlibat dalam kegiatan mat rempit, b) responden yang telah merempit dan masih aktif dalam sesebuah kumpulan mat rempit, dan c) responden yang bersetuju dan bersedia untuk berkongsi pengalaman kehidupan mereka sebagai mat rempit. Seramai lima orang responden yang telah dikenalpasti dan berjaya ditemubual secara bersemuka menggunakan teknik temubual mendalam separa berstruktur. Temubual mengambil masa lebih kurang 30 ke 45 minit pada waktu malam. Oleh itu, dengan mengambilkira kos dan masa untuk temubual, pengkaji hanya mengambil 5 orang responden sahaja.

Soalan yang digunakan semasa temubual adalah berdasarkan objektif kajian. Soalan mempunyai tiga bahagian yang berbentuk soalan terbuka. Bahagian pertama adalah bagaimana dan apakah faktor yang menyebabkan mereka terjebak dengan aktiviti permotoran. Bahagian kedua pula adalah apakah risiko dan kesan yang akan ditanggung apabila mengikuti aktiviti mat rempit dan bahagian ketiga adalah apakah langkah yang sesuai serta perbaharuan yang boleh dilakukan oleh pihak yang tertentu bagi mengurangkan aktiviti permotoran secara haram dan berbahaya. Pengkaji telah merekodkan maklumat responden dalam buku catatan dan rakaman suara menggunakan telefon pintar. Hasil kajian telah dianalisis secara tematik menggunakan analisis manual. Hasil temubual ditukar dalam bentuk transkrip dan dianalisis mengukut tema-tema bagi menjawab objektif kajian.

### **Etika penyelidikan**

Etika penyelidikan adalah sangat penting dalam penyelidikan untuk melindungi pengkaji, responden, institusi, organisasi atau sesebuah komuniti (Wa-Mbaleka, 2019). Antara etika penyelidikan yang diaplikasi dalam kajian ini adalah meminta persetujuan, kerahsiaan, bersikap jujur, dan tidak membahayakan.

### **Meminta persetujuan**

Dalam etika penyelidikan, terlebih dahulu pengkaji telah meminta persetujuan atau kebenaran daripada responden untuk menemubual. Pengkaji memberitahu terlebih dahulu mengenai kajian yang di lakukan dan sebab responden yang terlibat dipilih untuk ditemubual. Pemilihan responden adalah berdasarkan kesukarelaan dan tidak memaksa responden supaya responden boleh merasakan diri mereka bebas daripada persoalan yang ingin diajukan.

### **Kerahsiaan**

Maklumat-maklumat yang diperolehi daripada responden dijaga dan disimpan oleh pengkaji. Sebagai contoh, alamat tempat tinggal responden dan juga maklumat peribadi responden tidak disebarikan kepada umum oleh pengkaji.

### **Identiti pengkaji**

Identiti sebenar amatlah penting kerana ia membolehkan responden yang dipilih lebih berasa selesa apabila mengambil bahagian dalam kajian. Responden juga berasa selamat sekiranya mereka mengetahui identiti pengkaji yang telah memilih mereka untuk dijadikan sebagai responden.

## Bersikap jujur

Pengkaji perlu bersikap jujur semasa melakukan penyelidikan. Pengkaji tidak boleh membuat penipuan dari segi temuan data. Oleh itu, pengkaji perlu jujur dalam merekod, melapor, dan menganalisis data. Sekalipun data yang diperoleh melalui temu bual tidak menunjukkan hasil yang sama, data tersebut tidak boleh diubah atau dimanipulasi untuk membaiki keputusan.

## Tidak membahayakan

Semasa melakukan kajian ini, pengkaji tidak sama sekali membahayakan diri pengkaji mahupun responden. Pengkaji perlu menjaga bahasa, adab dan sebagainya semasa mengumpul data daripada responden. Sekaligus ia dapat memberi kepercayaan responden terhadap pengkaji. Dalam pada masa yang sama responden merasakan diri mereka selamat semasa menjawab semua soalan ketika sesi temu bual dijalankan. Oleh sebab itu, etika kajian ini memainkan peranan yang besar untuk pengkaji mendapatkan maklumat yang banyak dan maklumat yang tepat (Wa-Mbaleka, 2019).

## DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan Jadual 1, responden adalah yang berumur dalam lingkungan umur 18 tahun hingga 22 tahun. Responden A berumur 21 tahun, Responden B 22 tahun dan Responden C 20 tahun. Responden D dan Responden E berumur 18 tahun. Seterusnya, jantina responden yang dipilih oleh pengkaji dalam kajian ini adalah lelaki kerana lebih menepati dengan tajuk golongan mat rempit dan semua responden yang dipilih oleh pengkaji merupakan berbangsa melayu. Bagi profesion responden, Responden A merupakan seorang pelajar, Responden B dan C bekerja sejourus tamat persekolahan. Manakala Responden D dan E pula merupakan seorang pelajar dan bekerja secara sambilan pada waktu cuti. Semua responden telah merempit semenjak zaman persekolahan iaitu 13 tahun, 14 tahun dan 15 tahun kerana pada zaman persekolahan mereka telah dibenarkan untuk membawa motorsikal ke sekolah bagi memudahkan pergerakan mereka ke sekolah. Selain itu juga, kesemua responden mempunyai motorsikal sendiri yang telah diubahsuai yang menyakinkan pengkaji bahawa mereka terlibat dengan kegiatan merempit.

Jadual 1: Demografi Responden

Responden	Umur	Profesion	Merempit Semenjak Umur
A	21	Pelajar	15 tahun (2016)
B	22	Bekerja	15 tahun (2015)
C	20	Bekerja	15 tahun (2017)
D	18	Pelajar & bekerja sambilan	13 tahun (2017)
E	18	Pelajar & bekerja sambilan	14 tahun (2019)

## Faktor belia terjebak dengan kegiatan merempit

### Pengaruh rakan sebaya

Dapatan daripada kajian yang telah dijalankan, terdapat beberapa faktor yang menyebabkan belia terjebak dengan kegiatan merempit. Faktor utama yang menyebabkan belia terjebak dengan kegiatan merempit ini adalah di sebabkan pengaruh rakan sebaya. Pengaruh rakan sebaya ini membawa pengaruh yang kuat kepada rakan lain untuk membuat sesuatu aktiviti. Hubungan yang rapat menjadi penyebab mengapa mereka perlu mengikut ajakan dari rakan mereka. Daripada lima orang responden, empat daripadanya menyatakan bahawa pengaruh rakan sebaya sememangnya menjadi faktor kenapa mereka mula berminat dalam aktiviti mat rempit. Responden C dan Responden D menyatakan tentang pengaruh rakan sebaya adalah seperti berikut.

*“Bagi aku lah aaa aku merempit semua ini di sebabkan terjebak dengan kawan lah, mengikut-ikut kawan pengaruh yang tinggi lah sebab nak rasa kelajuan. Kelajuan ni untuk seronok lah, takde benda lain dah selain seronok. Kalau tak seronok tak buat”*

(Responden C)

*“Sejak dulu sejak main lumba basikal dulu lumba dengan kawan. Rasa macam bila dia buat ‘wheely’ tu nampak gempak lah.. Pengaruh rakan sebaya lah sebab dapat beriadah dengan kawan-kawan. Masing-masing ada cuti, masa lapang, boleh pergi meluangkan masa, pergi berjalan, pergi ‘ride’ macam pergi KK40”*

(Responden D)

### **Pengaruh sosial media di zaman teknologi**

Responden juga menyatakan bahawa mereka terikut-ikut dengan apa yang dilihat di media massa dan media sosial seperti televisyen dan aplikasi Tik Tok. Media menjadi salah satu faktor belia terjebak dalam kegiatan mat rempit. Hal ini kerana, zaman serba moden ini sememangnya menjadi cabaran untuk golongan belia dan generasi akan datang. Golongan belia mudah terikut-ikut dan terjebak dengan kegiatan mat rempit selepas melihat perkara-perkara yang berkaitan dengan permotoran di media sosial terutamanya dalam aplikasi Tik Tok. Hal ini dinyatakan oleh Responden A, Responden C dan Responden D.

*“Berminat dengan motor ni emm aaa adalah tentang emm idola lah macam Valentino Rossi, Marquez, aaa sebabtu lah aku pun berminat tengok dia ‘lap’ en, macam mana dia pecut en, macam mana dia aaa ambil risiko aaa untuk potong line orang apa semua tu aku rasa cam wow..”*

(Responden A)

*“aaa selalu aku tengok dekat media sosial seperti Insta, Telegram, Tiktok tengok diorang merempit, buat-buat motor jadi rasa nak ikut lah”*

(Responden C)

*“aku tengok dekat Tiktok pasal motor y-suku tu aku tu aku ‘start’ rasa nak masuk jadi geng rempit tu lepastu jadi jiwa kelajuan lah lepas tengok video-video tu semua”*

(Responden D)

### **Minat terhadap kelajuan dan menghias motorsikal**

Minat dalam kelajuan dan menghias motorsikal juga menjadi faktor golongan belia terjebak dengan kegiatan mat rempit. Aspek kelajuan dan kecantikan motorsikal ini berjalan seiring. Sebagai contoh, apabila motorsikal diubahsuai dan ditingkatkan kelajuan, mereka perlu menukar ekzos asal mereka kepada ekzos *after market* agar dapat menghasilkan bunyi yang kuat. Ekzos *after market* merupakan ekzos motosikal yang tidak mengikut piawai ekzos sebenar dari kilang dan piawai Jabatan Pengangkutan Jalan Raya (JPJ). Ekzos ini tidak mempunyai bahan kedap bunyi yang menyebabkan ekzos ini akan menghasilkan bunyi yang kuat sehingga boleh mengeluarkan percikan api dari ekzos tersebut. Berdasarkan Responden E seperti di bawah.

*“Sebab dia minat lebih minat pada motor tau kalau macam aaa tengok macam orang lain tengok laju mesti emm kita pon motor pon nak laju” “Sebab aku kalau main motor aku biasanya nak ‘make up’ motor tu nak bagi lawa, bagi laju macam tu lah”*

(Responden E)

### **Mudah mendapatkan wang ganjaran**

Akhir sekali adalah di sebabkan faktor wang. Wang sememangnya menjadi kegunaan setiap manusia termasuk juga golongan belia. Kehidupan belia yang tidak bekerja sudah tentu mereka akan mencari 1001 cara untuk mencari wang untuk belanja harian. Modal perbelanjaan untuk mengubah suai motorsikal juga memakan belanja yang tinggi. Oleh itu, mereka sanggup untuk menyertai perlumbaan haram demi mendapatkan wang dengan lebih lumayan. Aktiviti perlumbaan haram ini sering di lakukan pada hari minggu dan waktu malam yang di kenali sebagai malam minggu. Sesiapa sahaja yang mempunyai motorsikal boleh menyertai perlumbaan haram ini tetapi perlu meletakkan wang taruhan yang telah di tetapkan oleh penganjur perlumbaan tersebut. Wang taruhan yang terkumpul tersebut akan diberikan kepada pemenang perlumbaan tersebut seperti yang dinyatakan oleh Responden A.

*“Dari segi ‘bidding’ motor contohnya aaa ‘open game’ berapa kilo, 5 kilo aaa RM3000 kita ‘bid’ tak pun bakar motor tak pun tarik motor. Macam tu la cara nak hasilkan duit”*

(Responden A)

## **Kesan terhadap belia yang terlibat dengan kegiatan mat rempit**

### **Kemalangan jalan raya yang meragut nyawa**

Aktiviti permotoran ini sangat terdedah kepada risiko dalam pelbagai aspek terutama sekali risiko kehilangan nyawa. Golongan mat rempit yang gemar menunggang motosikal dengan kelajuan yang tinggi dan menunggang secara berbahaya telah menyebabkan banyak kejadian kemalangan jalan raya. Cara tunggangan mereka juga secara tidak langsung memberikan masalah kepada pengguna jalan raya yang lain. Hasil daripada temu bual terhadap kelima-lima responden, ternyata kesemua responden bersetuju dan menyatakan bahaya merempit ini boleh mengakibatkan kemalangan jalan raya dan meragut nyawa mat rempit mahupun pengguna jalan raya yang lain. Hal ini dinyatakan oleh Responden A, Responden B dan Responden E di bawah.

*“Nyawa ah, nyawa akan berterbangan atas ‘highway’. So kat sini akan menyusahkan lagi pengguna-pengguna jalan raya emm macam kalau kita tengah ‘fly’ tiba-tiba kita tengah potong kereta orang tu, orang tu akan automatik akan ‘break’ menggelabah ataupun diaorang akan terkejut dengan bunyi ekzos yang kuat dan bising”*

(Responden A)

*“aaa mungkin mengakibatkan kehilangan nyawa. Aaa menunggang motorsikal secara berbahaya di atas jalan raya, tak pun berlumba lah senang cerita. ‘Accident’ antara kemalangan diri sendiri ataupun melibatkan orang lain”*

(Responden B)

*“Membawa padah lah kalau kan biasa kalau tengah malam, malam minggu mesti ada lumba kan, kalau ‘accident’ dia boleh melibatkan nyawa. Lepastu orang akan pandang rendah tau kepada mat rempit ni”*

(Responden E)

### **Terlibat dalam jenayah dan dipandang rendah oleh masyarakat**

Merempit juga secara tidak langsung akan membawa mereka ke lembah jenayah seperti mengambil minuman dan barang terlarang seperti air ketum dan dadah. Pengambilan barang tersebut sudah tentu akan di janjikan hukuman seperti penjara dan lebih teruk iaitu ke tali gantung. Masyarakat juga akan memandang rendah dan serong terhadap golongan mat rempit ini. Hal ini kerana golongan mat rempit sering memberikan masalah kepada masyarakat awam khususnya pengguna jalan raya. Perkara ini dinyatakan oleh Responden C dan Responden D.

*“Emm boleh memburukkan masa depan lah dengan banyak aaa macam kena saman ke kena penjara ke boleh ‘effect’ kepada masa depan sebab ada ‘record’ macam tu. Kebanyakan orang tu boleh dikatakan ketum, benda-benda yang boleh mengkhayalkan sambil membawa motor itu yang boleh membuatkan itu lah aaa masuk penjara”*

(Responden C)

*“Kena kecam sebab rempit dari masyarakat sebab membahayakan keselamatan pengguna jalan raya dan diri dia. Lumba lepastu pacak-pacak terlanggar orang lain sebab dia tiada ‘skill’ sebabtu jadi macam tu”*

(Responden D)

### **Menyebabkan pembaziran wang**

Kebanyakan masyarakat tidak tahu bahawa barang yang ingin diubah suai mempunyai nilai yang tinggi sehingga ada yang meletakkan harga yang tidak masuk akal. Walau harga yang mahal, golongan mat rempit ini tetap membeli untuk tujuan mengubah suai motorsikal mereka. Golongan mat rempit tidak memandang kepada nilai tetapi lebih memandang tarikan barang tersebut yang boleh menarik perhatian orang lain. Setiap barang motorsikal mencecah ratusan ringgit malah ada yang cecah ribuan ringgit seperti *rim* motorsikal yang berharga RM700 hingga RM1000. Responden B seperti di bawah.

*“Kesan dia duit habis ah. Memang duit habis ah. Kalau nak buat motor tu bukan seratus dua ratus, makan modal yang banyak”*

(Responden B)

## **Langkah bagi mengurangkan kegiatan merempit dalam kalangan belia**

### **Penambahan litar awam dan kelab motorsikal**

Berdasarkan hasil kajian, golongan belia terjebak dengan kegiatan merempit kerana mereka tiada tempat yang sesuai untuk berlumba. Litar yang di sediakan oleh pihak kerajaan mempunyai peraturan dan prosedur yang ketat membuatkan golongan ini sukar untuk memasuki litar tersebut. Oleh itu, golongan mat rempit memilih untuk menjalankan aktiviti merempit di tempat awam seperti laluan lebuhraya. Hasil daripada temu bual yang dijalankan, kesemua responden telah menyentuh berkaitan penambahan litar awam, penubuhan kelab motosikal yang rasmi dan memberikan subsidi untuk sesiapa sahaja yang berminat menyertai perlumbaan rasmi seperti perlumbaan Cub Prix Malaysia. Responden A, Responden B dan Responden D seperti berikut.

*“Pastikan lumba tempat yang betul ‘means’ kita buat satu pertandingan macam Cub Prix ataupun aaa sprintest motor tapi secara baik ah dan ada aa peraturan dia. Ada pakaian sut keselamatan, lepastu aaa dengan bertanding secara sihat. Mendapatkan sponsor-sponsor buat pertandingan tu, so dari situ YB ataupun Menteri Besar kan diaorang pun boleh la macam bila diaorang tengok pandangan-pandangan anak-anak muda ni untuk mencungkil bakat dengan cara yang elok”*

(Responden A)

*“Seperti yang kita tahu dekat Malaysia ni kita ada sebuah perlumbaan yang halal seperti Cub Prix. Pihak kerajaan juga menggalakkan mereka untuk aaa untuk sertai secara terbuka untuk mengelakkan mereka ‘join’ benda yang tidak sihat lah....aaa mungkin boleh sediakan subsidi yang sepatutnya untuk golongan belia-belia ini untuk lumba dalam kalangan selamat dan halal”*

(Responden B)

*“Dia kena macam emm kena beri bantuan kewangan lah sebab memerlukan modal yang sangat besar, mencari sponsor lagi. Tak pun tubuhkan satu pertubuhan macam emm contoh seperti KBS yang sedia ada untuk menggalakkan belia menyertai Cub Prix yang khas untuk berlumba dalam litar”*

(Responden D)

### **Operasi malam minggu**

Pihak berkuasa seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) juga perlu memainkan peranan untuk membendung kegiatan rempit dalam kalangan belia ini berleluasa. Pihak ini perlu lebih banyak mengadakan operasi pada malam minggu seperti sekatan jalan raya dan serang hendap tempat-tempat tumpuan golongan mat rempit. Setiap malam minggu, golongan mat rempit ini akan berkumpul di satu tempat yang dikira sebagai tempat kebiasaan untuk berkumpul dan melepak sebelum mengadakan sebarang aktiviti permotoran seperti perlumbaan haram. Pihak polis perlu lebih peka tempat-tempat yang menjadi tumpuan dan laluan aktiviti perlumbaan tersebut agar lebih mudah untuk menahan golongan-golongan belia yang terlibat dalam kegiatan mat rempit ini. Kenyataan Responden C dan Responden E seperti berikut.

*“Polis kena apa tu aaa mentelitikan bila tengah ‘roadblock’ bila ada lesen ataupun tiada lesen selalunya budak bawah umur lah. Kalau boleh setiap malam atau setiap minggu, setiap malam minggu, kalau boleh polis pergilah ke dataran-dataran untuk tahan sesiapa ja yang berdekatan di tempat mat rempit-mat rempit ni. Situ je banyak budak-budak, terlampau banyak budak-budak bawah umur”*

(Responden C)

*“Kerahkan polis lah, macam setiap minggu polis kena turun lah supaya tiada lah nanti setiap minggu tu diaorang ni turun”*

(Responden E)

### **Gubal syarat kelayakan umur pengambilan lesen**

Pihak berkuasa JPJ perlu meneliti semula syarat-syarat kelayakan untuk pengambilan lesen motorsikal seperti syarat kelayakan umur untuk pengambilan lesen. Syarat umur tersebut seakan perlu diteliti semula oleh pihak JPJ kerana belia seawal umur 16 yang masih muda ini sememangnya mudah terpengaruh dengan keadaan persekitaraan mereka. Tambahan pula, jiwa belia yang ingin mencuba sesuatu yang baru melonjakkan lagi keinginan mereka untuk menyertai ahli kumpulan rempit. Hasil daripada kajian ini, responden menyarankan untuk menukar syarat umur pengambilan lesen dari belia yang berumur 16 tahun kepada belia yang berumur 20 tahun seperti yang dicadangkan oleh Responden C.

*“Kalau boleh kan aku nak apa tu emm sebelum ambil ujian lesen kena lebih 20 tahun untuk berfikiran lebih matang”*

(Responden C)

## **PERBINCANGAN**

Hasil daripada dapatan kajian, pengkaji membincangkan faktor, kesan dan langkah untuk kegiatan mat rempit bagi memenuhi tiga objektif kajian. Hasil daripada kajian di dapati lima responden menyatakan bahawa faktor pengaruh rakan sebaya menjadi faktor utama mengapa ramai belia mudah terjebak dalam kegiatan mat rempit. Oleh itu, pengkaji berpendapat bahawa pengaruh dari rakan ini nyata memberi impak yang besar kepada penambahan golongan mat rempit dalam kalangan belia. Kenyataan ini nyata sama dengan kajian yang telah dijalankan oleh Nur Hafizah Yusoff (2020) yang menyatakan bahawa pengaruh rakan sebaya adalah faktor yang kuat untuk membolehkan seseorang individu itu melakukan sesuatu sama ada baik atau buruk. Ditambah pula dengan isu yang timbul di sekolah menyebabkan mereka ponteng sekolah. Kecelaruhan tingkahlaku ini boleh menyebabkan belia terpengaruh dengan rakan sebaya untuk terlibat dalam kegiatan merempit (Lukman et al., 2019).

Selain itu, pengaruh media sosial juga antara faktor utama kepada penambahan golongan mat rempit dalam kalangan belia. Tiga daripada lima responden menyatakan tentang faktor ini. Hal ini berkaitan dengan kajian Muhamad Fuad dan Mohamad Fauzi (2020) yang menyatakan bahawa media massa yang menayangkan filem-filem yang berunsurkan perlumbaan tidak kira sama ada filem tempatan mahupun filem antarabangsa. Tayangan filem-filem seperti *Remp-It* dan *Fast and The Furious* yang berunsurkan perlumbaan ini akan mempengaruhi minda belia untuk terjebak dalam aktiviti perlumbaan haram (Muhamad Fuad et al., 2009). Tambahan, Zalzimy dan Siti Rohana (2021a) dalam kajian mereka menyatakan bahawa pembuat filem di Malaysia yang membuat filem yang berkaitan dengan aksi bahaya dalam permotoran, serta lumba haram di kalangan belia hanya memikirkan keuntungan. Oleh itu, tidak hairan lah jika ramai golongan belia mudah terikut dan terjebak dengan kegiatan mat rempit selepas menonton filem-filem seperti ini yang berkaitan dengan permotoran.

Jiwa belia muda yang agresif dan sukakan kelajuan juga menyumbang kepada faktor mereka terlibat dalam kegiatan merempit lebih-lebih lagi belia lelaki. Menurut Zalzimy dan Siti Rohana (2019) tingkah laku agresif yang telah diluahkan oleh pelumba motosikal haram adalah tercetus hasil daripada ekspresi luaran yang tidak dapat menyesuaikan diri, tidak diterima dalam sistem sosial dan norma-norma keluarga, serta tindak balas tekanan dalaman diri mereka sendiri. Kelajuan pula sangat dekat dengan perlumbaan di mana penunggang motorsikal akan menunggang motorsikal dalam kelajuan yang melebihi had yang telah ditetapkan oleh JPJ. Faktor ini berkait rapat dengan kajian yang dibuat oleh Zalzimy Hussin dan Siti Rohana Ahmad (2021a) yang menerangkan tentang maskuliniti dalam golongan mat rempit. Dengan melibatkan diri dalam kegiatan merempit dapat memberikan kepuasan dan keseronokan kepada golongan belia ini.

Faktor wang ringgit yang juga menyebabkan ramai belia yang ingin mengikuti perlumbaan haram. Belia yang menyertai perlumbaan haram ini akan mendapat ganjaran yang berupa wang yang dikumpul dari semua pelumba atau motorsikal yang kemudiannya dijual untuk mendapatkan wang. Walaupun faktor ini bukan dominan dalam kajian ini, tetapi ia jelas menunjukkan bahawa wang ganjaran ini menjadi faktor kepada keterlibatan belia dalam kegiatan merempit apabila hampir setiap malam pasti akan ada golongan mat rempit yang mengadakan perlumbaan haram di tempat-tempat tertentu seperti di lebuh raya. Hal ini dapat dijelaskan melalui kajian Nur Hafizah Yusoff (2020) yang menyatakan bahawa setiap perlumbaan yang telah diatur akan ada ganjaran yang ditawarkan supaya dapat menarik perhatian golongan belia untuk menyertai perlumbaan tersebut.



Merempit bukan sahaja memberi kesan kepada diri sendiri malah pengguna jalan raya yang lain. Kemalangan jalan raya yang melibatkan motorsikal mencatatkan antara kes kemalangan yang tertinggi di Malaysia. Data kematian jalan raya oleh Kementerian Pengangkutan Malaysia (2024) menunjukkan 59% adalah dari motorsikal sahaja. Sebilangan daripada peratusan ini semestinya adalah daripada golongan mat rempit kerana jika dilihat dari carian enjin Google hampir setiap hari ada laporan akhbar tentang kemalangan jalan raya yang melibatkan mat rempit dari seluruh Malaysia. Belia menyedari akan risiko apabila menunggang secara laju tetapi, mereka berpendapat bahawa ianya bergantung kepada kehebatan dan kemahiran seseorang itu semasa menunggang motorsikal. Jika seseorang penunggang itu handal, mereka tidak mudah untuk menjadi mangsa atau terlibat dalam kemalangan jalan raya. Oleh itu, pengkaji berpendapat bahawa jiwa belia yang berani dan kegoan mereka dalam menunggang motorsikal memberikan keyakinan kepada mereka untuk terus menyertai perlumbaan haram. Selain itu, penglibatan belia dalam kegiatan mat rempit juga akan menyebabkan mereka boleh terjerumus dalam kegiatan jenayah yang semestinya menyalahi undang-undang.

Hasil daripada kajian ini pengkaji mendapati pergaulan dan aktiviti sosial ahli mat rempit ini bukan sahaja menyertai perlumbaan haram malah mengambil bahan terlarang seperti air ketum dan dadah. Seperti yang dinyatakan oleh Zalzimy dan Siti Rohana (2021a), mat rempit mengaku bahawa tingkah laku agresif mereka dipengaruhi oleh penggunaan bahan terlarang, yang diambil untuk perlumbaan, menghilangkan tekanan, dan untuk kesenangan peribadi.

Merempit juga akan menyebabkan pembaziran kerana setiap barangan motorsikal yang ingin diubah suai mempunyai harga yang sangat mahal. Walau bagaimanapun, golongan mat rempit tetap mahu membeli barangan tersebut demi meningkatkan kelajuan motorsikal mereka. Menurut Ahmad Ismadi Ismail (2021) menerusi Sinar Harian, seorang mekanik sanggup membelanjakan RM15,000 bagi mengubah suai motorsikal jenis Yamaha Y15ZR miliknya untuk memasuki pertandingan pertunjukan motorsikal. Hal ini selari dengan dapatan kajian pengkaji bahawa tindakan mengubah suai motorsikal ini memberi kesan pembaziran wang ringgit kepada diri mereka.

Hasil daripada kajian mendapati bahawa penambahan atau mewujudkan litar awam dijangka dapat mengurangkan aktiviti mat rempit di lebuh raya. Langkah ini amat ditekankan oleh setiap responden kerana bagi mereka litar awam amat penting untuk mereka jadikan tempat meluangkan masa lapang. Dengan adanya litar awam, kemungkinan dapat mengurangkan kadar kemalangan yang melibatkan mat rempit dan pengguna jalan raya yang lain. Selain itu, operasi malam minggu menjadi langkah yang paling penting untuk ditekankan. Hasil kajian juga mendapati bahawa kekurangan operasi sekatan jalan raya dan kelonggaran penguatkuasaan undang-undang menyebabkan isu mat rempit semakin berleluasa. Isu mat rempit yang juga dihadapi oleh negara jiran iaitu Indonesia juga menyatakan tentang ketiadaan kemudahan litar perlumbaan rasmi yang disediakan kerajaan (Afriyanto et al., 2023, Haris et al., 2023). Jika ada kemudahan untuk golongan belia ini maka mereka dapat berlumba motorsikal dengan selamat di litar awam tanpa mengganggu orang lain. Dalam kajian mengenai mat rempit, David Rhesy dan Prima Dewi (2021) menyatakan tentang mat rempit yang mengganggu ketenteraman penduduk, merosakkan kemudahan awam apabila berlaku kemalangan dan tidak beretika semasa di jalan raya.

Usaha pihak polis sering diperlekehkan oleh golongan mat rempit apabila golongan tersebut mudah untuk melarikan diri apabila menghadapi sekatan jalan raya. Oleh itu, pengkaji berpendapat bahawa pihak polis perlu ada strategi yang baik untuk memerangkap golongan mat rempit yang cuba melarikan diri dari sekatan jalan raya. Syarat kelayakan untuk memohon pengambilan lesen motorsikal ketika ini adalah belia yang sudah cukup umur 16 tahun dan ke atas. Belia seawal umur 16 tahun sememangnya mudah terpengaruh dengan keadaan persekitaran mereka. Selain itu, pengetahuan, sikap dan tahap kesedaran penunggang motosikal terhadap pematuhan undang-undang adalah sangat penting bagi menjamin tahap keselamatan jalan raya (Siti Nur Suhanna & Mohd Najib, 2022). Selain itu, menurut Mohamad Fikrie Idris dan Nur Hafiza Yusoff (2019), pencegahan awal dari sekolah harus dilakukan dengan menerapkan nilai-nilai yang baik dalam diri remaja supaya mereka tidak mudah terpengaruh dengan gejala negatif. Program kesedaran khas juga diperlukan untuk membantu belia meneroka kejantanan mereka dan menyalurkannya dengan cara yang betul (Zalzimy Hussin & Siti Rohana Ahmad, 2022).

## **KESIMPULAN**

Kegiatan merempit adalah salah satu faktor peningkatan masalah sosial yang lain seperti mencuri, merompak dan mengambil bahan terlarang. Rakan sebaya, media sosial, minat sendiri, dan wang ringgit merupakan antara faktor yang menyebabkan penambahan golongan mat rempit dari kalangan golongan belia. Perkara ini memerlukan usaha dan kerjasama daripada semua pihak untuk mengurangkan dan membanteras

kegiatan mat rempit di jalanan. Hal ini kerana golongan mat rempit yang berlumba secara haram ini bukan sahaja membahayakan nyawa mereka malah pengguna jalan raya yang lain. Lebih-lebih lagi, Kementerian Pengangkutan Malaysia melaporkan, kemalangan jalan raya yang melibatkan pengguna motorsikal adalah yang paling tinggi iaitu 59% berbanding kenderaan lain.

Walaupun bukan semua peratusan kemalangan motorsikal melibatkan mat rempit tetapi, daripada carian enjin Google hampir setiap hari akhbar melaporkan kemalangan melibatkan mat rempit, sudah semestinya menyumbang kepada peratusan ini. Yang paling membimbangkan adalah apabila mat rempit ini tidak terkawal kerana menggunakan bahan terlarang seperti ketum atau dadah. Mereka juga sanggup membelanjakan wang yang banyak untuk mengubahsuai motor mereka. Cadangan daripada mat rempit sendiri supaya perlumbaan haram dapat dikurangkan adalah dengan menambah litar awam untuk mereka berlumba serta kelab motorsikal, kerap menjalankan operasi malam minggu di kawasan mat rempit berkumpul, dan meningkatkan had umur pengambilan lesen motorsikal. Kesimpulannya, operasi penangkapan mat rempit yang kerap dijalankan sehaja tidak dapat mengurangkan kegiatan mat rempit malah, kempen kesedaran yang berkaitan juga perlu dilaksanakan dari peringkat sekolah rendah dengan penglibatan ibubapa.

## RUJUKAN

- Afriyanto, A., Riswadi, R., & Redi, A. (2023). The Role of the Police in Overcoming Motorcycle Racing Actions that Disturb Road Users. *Edunity Kajian Ilmu Sosial dan Pendidikan*, 2(1), 115-124. <https://doi.org/10.57096/edunity.v1i05.43>
- Ahmad, I.I. (2021, March 8). *Mekanik sanggup habiskan RM15,000 ubah suai motosikal*. Sinarharian. Retrieved May 12, 2022, from <https://www.sinarharian.com.my/article/127465/BERITA/Semasa/Mekanik-sanggup-habiskan-RM15000-ubah-suai-motosikal>
- Arshad, M.M., Ismail, I.A., Suandi, T. & Krauss, S.E. (2010). Penglibatan belia dalam fenomena Mat rempit: Implikasi terhadap praktis pembangunan belia Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 193 – 224.
- Damayanti, R., Bakri, M., Jumra, J., Sandra, G., & Yadi, S. (2022). Police efforts in combating and preventing illegal racing among youth. *Journal of Asian Multicultural Research for Social Sciences Study*, 3(2), 49-57. <https://doi.org/10.47616/jamrsss.v3i2.285>
- Don, Y., Daud, Y., Kasa, M. D., Sakdan, M. F. A., Mustafa, J., & Ahmad, Z. I. (2009). Gang rempit dan penyalahgunaan dadah: pengaruhnya dari aspek psikososial dan institusi pendidikan. *Jurnal Antidadah Malaysia (Malaysian Anti-Drugs Journal)*, 5. <http://www.adk.gov.my/pdf/journal/2009/JurnalAntidadahdenganBookmark.pdf>
- Hussin, Z. (2013). Mat rempit Dan Tingkah Laku Agresif: Kajian Kes Di Pulau Pinang, Malaysia. Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia - Utama. Retrieved March 20, 2023, from <https://iyres.gov.my/images/MJYS/2013/MJYS%20Vol%208%20June%202013-127-148.pdf>
- Hussin, Z., & Ahmad, S. R (2019). Tipologi kajian literatur (2010-2017) berkaitan isu lumba haram di Malaysia. *e-BANGI*, 16(8), 1-14. ISSN: 1823-884x
- Hussin, Z., & Ahmad, S. R (2021). Identiti maskuliniti (kejantanan) terhadap keinginan untuk berlumba dalam kalangan mat rempit di Malaysia. *e-BANGI*, 18(5), 109-12. ISSN: 1823-884x
- Hussin, Z., & Ahmad, S. R. (2021a). Exploring two types of aggressive behavioural risk factors among illegal motorcycle street racers in Malaysia. *International Journal of Criminology and Sociology*, 10, 785-794. E-ISSN: 1929-4409/21
- Hussin, Z., & Ahmad, S. R. (2022). Masculine Identity: How It Affects Street Racing and Aggressive Behaviour in Young Motorcyclists. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(12), e001976-e001976. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i12.1>
- Idris, M. F., & Yusoff, N. H. (2019). Pertaruhan dalam Lumba Haram: Faktor dan Jenis Pertaruhan. *Jurnal Wacana Sarjana*, 3(2), 1-12. Retrieved from <https://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/298>
- Ismail, R. (2008). Mat rempit dan gejala perlumbaan haram di Malaysia ('Mat rempit' and illegal motorcycle racing in Malaysia). *Jurnal Psikologi Malaysia*, 22.
- Karim, M. F. A., Ismail, R., & Sukimi, M. F. (2009). Sub-budaya Mat Rempit dan perubahan sosiobudaya. *Malaysian Journal of Society and Space*, 3, 26-43. ISSN 2180-2491
- Karim, M. F. A., & Sukimi, M. F. (2020). Subbudaya kumpulan mat rempit: interpretasi penggunaan bahasa di kalangan ahli kumpulan. *e-BANGI: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 17(5), 154-163. ISSN 1823-884x
- Kementerian Pengangkutan Malaysia. (2024). *Indeks Kematian Jalan Raya Malaysia*. Retrieved from <https://www.mot.gov.my/my/land/safety/malaysia-road-fatalities-index>

- Mohamad Amin, L. H., Hafiz, M. R. A., Kamarulzalis, M. N. A., Ibrahim, A. H., Taib, N. M., Ramlan, N. H., & Husin, M. R. (2019). Masalah Kecelaruhan Tingkah Laku: Ponteng Sekolah. *International Journal of Humanities, Management and Social Science (IJ-HuMaSS)*, 2(1), 51-64. <https://doi.org/10.36079/lamintang.ij-humass-0201.22>
- Pradana, H. K., Chasanah, N., & Savage, E. (2023). A review of children's illegal racing based on law no. 22 of 2009 concerning road traffic and transportation. *equalegum International Law Journal*, 155-160. <https://doi.org/10.61543/equ.v1i3.42>
- Saputrodewo, D. R., & Kusumawati, P. D. (2021). Overview of Night Promiscuity Behavior on Students Who Often Play Motorcycle Racing: Literature Review. *Open Access Health Scientific Journal*, 2(2), 63-68. <https://doi.org/10.55700/oahsj.v2i2.21>
- Shahril, R., Musa, M., & Ghani, A. H. A. (2022). Basikal lajak: What you need to know. *Journal of Advanced Vehicle System*, 13(2), 1-7. Retrieved from <https://akademiabaru.com/submit/index.php/javs/article/view/4455>
- Suryawan, R. F., & Febrian, W. D. (2023). Socialization of prevention patterns of wild racing and suppressing the number of traffic accidents. *Asian Journal of Community Services*, 2(11), 945-954. <https://doi.org/10.55927/ajcs.v2i11.6803>
- Tahir, M. R. M., Sha'ari, H., & Jahore, R. (2017). Studies pertaining to Illegal Street Racers' Behaviour: Literature Review. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(6), 315-325. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBSS/v7-i6/2965>
- Wa-Mbaleka, S. (2019, December). Ethics in qualitative research: A practical guide. In *International Forum Journal* 22(2), 116-132. <https://journals.aiias.edu/info/article/view/51>
- World Health Organisation. (2023). Road Traffic Injuries. Retrieved from: <https://www.who.int/news-room/fact-sheets/detail/road-traffic-injuries#:~:text=92%25t%20of%20the%20world's,incluing%20pedestrians%2C%20cyclists%20and%20motorcyclists.>
- Yacob, M. N., & Suhanna, S. N (2022). Road safety legal compliance among malaysian motorcyclists. *Current Science and Technology*, 2(1), 20-29. <https://doi.org/10.15282/cst.v2i1.7589>
- Yusoff, N. H. (2020). Lumba haram dan budaya pertarungan di Bagan Ajam, Pulau Pinang. *e-BANGI Journal*, 17(2), 23-35. ISSN: 1823-884x